

# Hubungan Profesionalisme Guru Pendidikan Islam (GPI) Dengan Kemenjadian Sahsiah Murid Di Bahagian Samarahan

'Izzan 'Atifah Binti Mohd Baharin, Noraini Binti Omar, Khairiyah Binti Nanawi dan Nur Dalila Binti Kasmadi

**Abstrak-** Profesionalisme guru merupakan suatu konsep yang sudah pasti berjalan seiring dalam dunia pendidikan demi memastikan hasrat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 dapat dicapai dengan jayanya. Namun, hal ini menjadi perbincangan apabila muncul isu-isu yang memperlihatkan keruntuhan sahsiah yang semakin membimbangkan dalam kalangan murid. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan untuk mengenal pasti hubungan di antara profesionalisme Guru Pendidikan Islam dengan tahap kemenjadian sahsiah murid di Samarahan. Kajian ini berbentuk kajian tinjauan dengan menggunakan 40 item soal selidik yang terdiri daripada demografi responden, konstruk tahap profesionalisme guru dan konstruk tahap kemenjadian sahsiah murid telah diadarkan kepada Guru Pendidikan Islam sekolah rendah di Samarahan menggunakan kaedah pensampelan secara rawak mudah. Seramai 123 Guru Pendidikan Islam terlibat dalam kajian ini. Data yang diperoleh telah dianalisis menggunakan SPSS versi 27.0 dengan menggunakan statistik deskriptif untuk melihat kekerapan, peratus, min dan sisihan piawai. Seterusnya, data dianalisis menggunakan statistik inferensi ujian Korelasi Spearman's Rho bagi menguji hipotesis yang telah dibentuk. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap profesionalisme Guru Pendidikan Islam berada pada tahap yang sangat tinggi dengan ( $m= 4.30$ ), manakala tahap kemenjadian sahsiah murid berada pada tahap tinggi sahaja dengan ( $m= 4.02$ ). Berdasarkan keputusan ujian Korelasi Spearman's Rho iaitu  $r= .512$ ,  $p<0.01$ , menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara tahap profesionalisme GPI dengan kemenjadian sahsiah murid. Justeru itu, beberapa implikasi terhadap guru dijelaskan dan cadangan daripada penemuan telah dikemukakan sebagai usaha untuk meningkatkan lagi tahap profesionalisme guru di samping memastikan kemenjadian sahsiah murid berada pada tahap yang diharapkan.

**Kata kunci** - profesionalisme guru, kemenjadian sahsiah murid, Pendidikan Islam, Guru Pendidikan Islam, sekolah rendah bahagian Samarahan

## I. PENGENALAN

Kemajuan era globalisasi kini telah mendesak dunia pendidikan untuk turut berdiri sama tinggi, duduk sama rendah dengan perkembangan dunia moden. Sehubungan dengan itu, para tenaga pengajar dituntut untuk mempersiapkan diri sebagai agen perubahan dalam menggalas segala skop tugas yang merangkumi kepelbagaian pengetahuan, kemahiran serta kepakaran (Ilminza et al., 2021).

Izzan 'Atifah Mohd Baharin, Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak, Sarawak (Email Address: g-p19313787@moe-dl.edu.my).

Menurut Julian@Juliana dan Mohd Izham (2020), prestasi amalan kerja guru merupakan faktor utama yang menyumbang kepada pemantapan kualiti kemenjadian murid. Justeru itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memperkenalkan Standard Guru Malaysia (SGM) 2.0 yang berfokus kepada komponen dimensi kompetensi dan etika keguruan dalam membentuk kejutuan profesionalisme guru (KPM, 2020).

Kajian ini hanya memfokuskan kepada hubungan antara profesionalisme Guru Pendidikan Islam (GPI) dengan kemenjadian sahsiah murid menggunakan instrument soal selidik dalam pengumpulan data. Hasil dapatan kajian ini diharap dapat memberi faedah dan impak positif kepada pelbagai pihak khususnya institusi pendidikan dalam usaha mengekalkan dan meningkatkan tahap profesionalisme guru serta sahsiah murid.

## II. PERNYATAAN MASALAH

Menurut Mohd Noh et. al (2020) bahawa para guru sedang menghadapi kekangan dalam pengurusan masa, rutin, pengetahuan dan kemahiran, saiz kelas dan sumber pembelajaran. Pengkaji menyatakan bahawa faktor kepada kekangan ini adalah berpunca daripada kurangnya pendedahan kepada latihan, pengetahuan, pengalaman dan pentaksiran pembelajaran yang menyebabkan tahap kompetensi guru mula diragui. Dapatan ini turut disokong oleh Kimberli Tazewell (2018) bahawa antara kekangan utama yang dihadapi oleh guru dalam pengendalian pentaksiran bilik darjah adalah kekangan masa, sumber pembelajaran, kemahiran, sikap tidak yakin dan tidak pasti.

Selain itu, Nurul Izzah et. al (2021) menyatakan bahawa pembentukan keperibadian dan sahsiah pelajar kini terkesan dengan kepesatan dunia teknologi yang mendedahkan mereka dengan media sosial. Pengkaji menyatakan bahawa unsur-unsur negatif seperti keganasan dan pornografi, fesyen yang berlebihan serta pertuturan tidak bermoral yang terkandung dalam media sosial telah memberi impak yang besar kepada keruntuhan akhlak para pelajar. Justeru, pengkaji mencadangkan agar generasi pendidik mengambil cakna terhadap isu ini dengan berkerjasama dan menggembelng tenaga dalam mengambil langkah proaktif dan efektif bagi melahirkan generasi yang berjaya bukan dari aspek akademik semata-mata malah juga cemerlang dari aspek kemenjadian sahsiah mereka.

Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan untuk mengkaji tahap profesionalisme Guru Pendidikan Islam (GPI) terhadap kemenjadian sahsiah murid serta melihat hubungan diantara kedua-dua pemboleh ubah ini dalam kelompok Sekolah Kebangsaan (SK) di Bahagian Samarahan.

### Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan berasaskan enam objektif yang berikut:

1. Mengetahui tahap pengetahuan GPI terhadap perkembangan potensi murid di Bahagian Samarahan.
2. Mengetahui tahap kebolehan GPI merancang Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) di Bahagian Samarahan.
3. Mengetahui tahap kemahiran GPI melaksanakan Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) di Bahagian Samarahan.
4. Mengetahui tahap kemahiran GPI melaksanakan pentaksiran pembelajaran di Bahagian Samarahan.
5. Mengetahui tahap kemenjadian sahsiah murid di Samarahan.
6. Menentukan hubungan antara profesionalisme GPI dengan kemenjadian sahsiah murid di Bahagian Samarahan.

### Soalan Kajian

Kajian ini menguji persoalan berikut:

1. Apakah tahap pengetahuan GPI terhadap perkembangan potensi murid di Bahagian Samarahan?
2. Apakah tahap kebolehan GPI merancang Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) di Bahagian Samarahan?
3. Apakah kemahiran GPI melaksanakan Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) di Bahagian Samarahan?
4. Apakah tahap kemahiran GPI melaksanakan pentaksiran pembelajaran di Bahagian Samarahan?
5. Apakah tahap kemenjadian sahsiah murid di Bahagian Samarahan?
6. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara profesionalisme GPI dengan kemenjadian sahsiah murid di Bahagian Samarahan?

## III. TINJAUAN LITERATUR

### Teori dan Model Kajian

Model yang digunakan bagi melihat tahap profesionalisme guru adalah diambil daripada model Dimensi Kompetensi dalam SGM 2.0 yang digariskan oleh KPM (2020). Model ini menjelaskan kompetensi yang perlu dimiliki oleh guru pada pelbagai tahap pembangunan profesionalisme dalam melaksanakan PdPc secara efektif. Dalam konteks kajian ini, aspek yang disentuh dalam model Dimensi Kompetensi SGM 2.0 adalah aspek instruksional yang dibahagikan kepada beberapa komponen merangkumi kompetensi guru dalam memfokuskan perkembangan potensi murid, merancang PdPc, melaksanakan PdPc serta melaksanakan pentaksiran pembelajaran.

Seterusnya, model bagi konstruk kemenjadian sahsiah murid pula adalah diambil daripada model Personaliti Imam Al-Ghazali (1996). Model ini telah diperkenalkan oleh Imam Al-Ghazali dengan mengutarakan lima aspek yang

mempengaruhi pembangunan sahsiah seseorang. Walau bagaimanapun, kajian ini hanya akan mengambil kira tiga daripada lima aspek tersebut iaitu aspek tazkiyyah al-nafs atau pembersihan jiwa, melazimi amalan kebaikan dan membuat sesuatu yang bertentangan dengan akhlak yang buruk. Hal ini demikian kerana, ketiga-tiga aspek tersebut lebih menepati objektif dan persoalan kajian yang telah ditetapkan.

### Dapatan Kajian Lalu

Terdapat banyak kajian lampau yang telah dijalankan oleh pengkaji-pengkaji berkaitan tahap profesionalisme guru dan hubung kaitnya dengan kemenjadian sahsiah murid. Namun begitu, tidak banyak kajian yang mengkhususkan kepada tahap profesionalisme guru menerusi empat komponen dalam aspek instruksional dimensi kompetensi SGM 2.0. Antara kajian tersebut adalah daripada Ilminza Zakaria (2021) yang mendapati bahawa tahap profesionalisme guru dan kemenjadian murid di Sekolah Menengah Negeri Sembilan berada pada tahap yang tinggi dimana bacaan min bagi kedua-dua pembolehubah ini adalah  $m=4.36$ ,  $sp=0.251$ ;  $m=4.53$ ,  $sp=0.373$ . Dapatan ini telah mengambil kira dimensi amalan nilai profesionalisme keguruan, pengetahuan dan kefahaman serta kemahiran PdP dalam mengukur tahap profesionalisme guru. Manakala bagi tahap kemenjadian murid pula mengambil kira dimensi dalam SKPMG2, keusahawanan, budaya tahan, kecerdasan emosi dan keterampilan komunikasi. Sehubungan dengan itu, kajian ini mendapati bahawa hubungan di antara tahap profesionalisme guru dengan kemenjadian murid adalah sangat kuat dengan bacaan nilai pekali korelasi adalah  $r=0.812$ .

Selain itu, kajian oleh Razila Kasmin et al., (2019) mendapati bahawa tahap amalan kualiti GPI berada pada tahap yang sangat tinggi dengan nilai  $m=4.282$  dan  $sp=0.347$ . Dapatan kajian ini adalah diperolehi menerusi instrumen soal selidik yang diedarkan kepada 714 orang GPI Sekolah Kebangsaan di Selangor dengan berfokuskan kepada lima faktor kualiti guru iaitu penguasaan ilmu, kaedah pengajaran, personaliti, motivasi diri dan persekitaran guru. Sejajar dengan dapatan kajian oleh Abdul Munir (2018) bahawa penggunaan strategi yang bersesuaian dalam pengajaran subjek Pendidikan Islam berada pada tahap yang tinggi. Sehubungan itu, pengkaji turut menyatakan bahawa guru perlulah memainkan peranannya secara holistik dalam menjamin kualiti profesion keguruan kerana ianya akan memberi impak yang besar terhadap kemenjadian murid.

Walaupun bagaimanapun, kajian mendapati tahap kemenjadian sahsiah murid masih tidak berada pada tahap yang memuaskan antaranya adalah kajian oleh Wan Abdul Fattah et. al (2022) yang menyatakan bahawa permasalahan keruntuhan akhlak dalam kalangan remaja muslim di Malaysia masih berada pada tahap yang membimbangkan. Sehubungan itu, pengkaji berpendapat bahawa punca berlakunya isu tersebut adalah kerana nilai pendidikan dalam kalangan remaja adalah pada tahap yang rendah. Hasil temu bual daripada peserta kajian Sekolah Tunas Bakti Marang, Terengganu menyatakan bahawa mereka tidak menamatkan tempoh belajar yang sepatutnya dan sering terlibat dengan


isu ponteng sekolah kerana merasakan bahawa sekolah merupakan tempat yang membosankan. Hal ini jelas menunjukkan bahawa kurangnya nilai pendidikan akan menjejaskan akhlak seseorang itu

Namun begitu, terdapat kajian daripada Saharia et al. (2022) yang menyatakan bahawa persepsi guru terhadap tahap kemenjadian sahsiah murid bagi tiga buah Sekolah Asrama Bantuan Kerajaan zon selatan berada pada tahap tinggi dengan bacaan  $m=4.16$  dan  $s.p=0.473$ . Dapatan ini mengambil kira aspek kemenjadian sahsiah murid mengikut SKPMg2 yang merangkumi purata peratus kehadiran murid ke sekolah, pelibatan dalam kes salah laku secara ringan, sederhana dan berat serta peratus murid yang melakukan amalan baik bagi tahun terkini. Sehubungan itu, kajian ini turut mendapati terdapat hubungan yang signifikan di antara kepimpinan Islam yang berlandaskan Al-Quran dan Assunnah yang perlu diterapkan menerusi pendidikan dengan kemenjadian sahsiah murid ( $r=0.786$ ,  $p<0.01$ ).

Secara keseluruhannya, dapatan-dapatan kajian lalu yang telah dinyatakan menunjukkan bahawa tahap profesionalisme guru adalah pada tahap yang tinggi dan ianya mempunyai hubungan yang sangat kuat dengan tahap kemenjadian sahsiah murid. Walau bagaimanapun, kajian-kajian yang meneliti isu kemenjadian murid mendapati bahawa tahap kemenjadian murid di Malaysia masih lagi berada pada tahap yang tidak memuaskan dan memerlukan penambahbaikan menerusi pelbagai aspek.

### Kerangka Konseptual Kajian

Rajah 1 menunjukkan kerangka konseptual yang memperlihatkan perkaitan antara pemboleh ubah-pemboleh ubah kajian.



Rajah 1. Kerangka konseptual kajian yang diadaptasi daripada Model Profesionalisme Guru dalam Standard Guru Malaysia 2.0 (KPM, 2020) dan Model Personaliti Imam Al-Ghazali (1996)

Kajian ini menggunakan keempat-empat konstruk yang digariskan dalam model profesionalisme SGM 2.0 seperti yang dinyatakan dalam Rajah 1 bagi melihat tahap profesionalisme guru yang merupakan pemboleh ubah tidak bersandar. Konstruk pertama model ini mengkehendaki guru untuk memfokuskan perkembangan potensi murid secara holistik dari aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek (JERI) sepertimana yang digariskan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) (Mohd Fathi Adnan et al., 2010). Selain itu, konstruk kedua pula adalah dari aspek guru membuat

perancangan PdP bagi menjamin kelancaran proses PdPc dalam bilik darjah tanpa sebarang gangguan (Norshafinaz & Faridah, 2018). Perancangan ini mengambil kira pembinaan Rancangan Pengajaran Harian (RPH) yang merangkumi isi kandungan pembelajaran yang hendak difokuskan, objektif pembelajaran serta pemilihan kaedah dan strategi pengajaran yang bersesuaian dengan potensi murid (Esah Sulaiman, 2004; Swan, 2007).

Seterusnya, konstruk pelaksanaan PdP dalam model ini pula merujuk kepada kemahiran guru melaksanakan pengajaran sebenar dalam bilik darjah berpandukan RPH yang telah dibina. Pelaksanaan PdP ini mengkehendaki guru untuk berperanan sebagai pemudahcara dan pengurus bilik darjah sepanjang proses PdPc dijalankan (Norshafinaz & Faridah, 2018). Akhir sekali, model profesionalisme guru SGM 2.0 ini turut berfokus kepada kemahiran guru dalam melaksanakan pentaksiran pembelajaran yang bertujuan untuk melihat dan memerhati sejauh mana perkembangan murid-murid yang melibatkan domain perkembangan seperti motor halus, motor kasar, kognitif, sosioemosi dan bahasa (Brassard & Boehm, 2007). Sehubungan dengan itu, Norshafinaz dan Faridah (2018) turut menyatakan bahawa guru perlulah mahir dalam pelaksanaan pentaksiran pembelajaran agar dapat merancang dan melaksanakan tindakan yang efektif ke atas murid-murid lemah yang telah dikenal pasti.

Di samping itu, kajian ini turut menggunakan tiga daripada lima konstruk dalam model personaliti Imam Al-Ghazali kerana aspek tersebut lebih menepati objektif dan persoalan kajian yang telah ditetapkan. Aspek pertama yang diutarakan dalam model ini adalah dari aspek tazkiyyah al-nafs atau pembersihan jiwa dimana ianya melihat kepada tahap kesungguhan murid dalam menyelesaikan suatu masalah dan konflik dengan mengambil kira baik dan buruknya (Zarrina Sa'ari, 2007). Aspek kedua pula adalah melihat kepada aspek melazimi amalan kebaikan yang melibatkan pelakuan murid secara praktikal dalam melakukan amal kebaikan secara konsisten dan berterusan yang asasnya adalah amalan ibadah seperti solat dan puasa (al-Ghazali, 2003). Seterusnya, model ini turut memfokuskan aspek membuat sesuatu yang bertentangan dengan akhlak yang buruk. Aspek ini melihat kepada bagaimana murid dapat memupuk diri untuk bersikap mahmudah berbanding mazmumah seperti memilih untuk bersikap sabar daripada marah, amanah daripada khianat, rajin daripada malas dan hormat daripada biadap (al-Ghazali, 2003).

## IV. METODOLOGI

### Reka bentuk kajian

Menurut Mohamad Nasir dan Rosmawati (2019), sebuah penyelidikan sangat memerlukan reka bentuk kajian yang kukuh agar dapat menjawab persoalan kajian yang telah ditetapkan. Oleh yang demikian, kajian ini berbentuk analisis deskriptif dan inferensi dengan menggunakan pendekatan kajian kuantitatif iaitu reka bentuk kajian tinjauan bagi mengumpul maklumat demografi responden, mengenal pasti tahap profesionalisme GPI bahagian Samarahan serta tahap kemenjadian sahsiah murid untuk

menentukan hubungan diantara kedua-dua pemboleh ubah tersebut. Sehubungan dengan itu, pemboleh ubah yang tidak bersandar dalam kajian ini adalah tahap profesionalisme GPI manakala pemboleh ubah yang bersandar adalah tahap kemenjadian sahsiah murid.

Justeru itu, data-data pemboleh ubah tersebut dapat dikumpul melalui instrumen kajian yang menggunakan skala *likert* lima mata bagi mengenal pasti tahap profesionalisme GPI dan kemenjadian sahsiah murid. Seterusnya, dapatan ini telah dianalisis menggunakan analisis deskriptif yang merangkumi min, mod, median, julat dan sisihan piawai. Disamping itu, penentuan hubungan di antara dua pemboleh ubah ini telah dianalisis melalui analisis inferensi menggunakan ujian korelasi Spearman's Rho.

### Pensampelan

Sampel kajian ini adalah terdiri daripada GPI yang mengajar di Sekolah Kebangsaan bahagian Samarahan, Sarawak. Mereka telah dipilih secara rawak mudah berdasarkan ciri-ciri yang mewakili populasi iaitu guru-guru yang mengajar mata pelajaran Pendidikan Islam Tahap 1 dan Tahap 2, serta mempunyai ikhtisas sekurang-kurangnya tahap diploma perguruan. Menurut Azizi et al. (2007), pensampelan rawak mudah merupakan setiap unit dalam sebuah populasi berpeluang untuk dipilih sebagai sampel. Sehubungan dengan itu, berdasarkan maklumat daripada (Pejabat Pendidikan Bahagian (PPD) Samarahan, Mac 2023), seramai 178 orang GPI yang terdapat di bahagian Samarahan. Oleh itu, bagi menentukan bilangan sampel berdasarkan saiz populasi, pengkaji telah menggunakan jadual persampelan Krejcie & Morgan (1970) sepertimana dalam Jadual 1 dan menentukan seramai 123 orang GPI yang dipilih sebagai sampel dimana bilangan ini adalah cukup untuk digeneralisasikan kepada populasi. Menurut Nur Fadilah et al. (2023), semakin besar saiz sampel mendekati populasi, semakin kecil ralat persampelan dan semakin tinggi aras kebolehppercayaan untuk digeneralisasikan kepada populasi. Saiz sampel ini turut mengambil kira ralat persampelan 5% dan aras kebolehppercayaan 95% sepertimana yang dinyatakan dalam Jadual 2, jadual saiz sampel Cohen et al. (2001).

### Instrumen Kajian

Instrumen soal selidik secara tertutup telah dipilih sebagai instrumen kajian ini bagi mengumpul data daripada responden untuk menjawab persoalan kajian. Menurut Van Dalen (1993), kaedah pengumpulan data melalui soal selidik merupakan satu cara yang paling mudah untuk memperoleh maklumat. Selain itu, Mohd Rizal dan Nurul Zafira (2010) turut menyatakan bahawa kelebihan soal selidik adalah ianya menjimatkan masa dan maklumat boleh didapati secara terus daripada responden. Sehubungan dengan itu, instrumen soal selidik ini mengandungi tiga bahagian iaitu bahagian A (Demografi Responden), B (Tahap Profesionalisme Guru) dan C (Tahap Kemenjadian Sahsiyah Murid).

### Kajian Rintis

Sampel kajian Menurut Faizal Amin et al. (2014),

kajian rintis adalah bertujuan untuk menentukan kesahan dan kebolehppercayaan instrumen yang dihasilkan melalui item-item soal dalam soal selidik. Di samping itu, Ahmad Mahzan Ayob (2002) turut menyatakan bahawa kajian rintis perlulah dijalankan untuk memastikan instrumen yang telah dibuat adalah mudah difahami oleh responden. Sehubungan dengan itu, pengkaji telah menjalankan kajian rintis menggunakan soal selidik yang diedarkan secara *Google Form* kepada 30 orang guru Pendidikan Islam di luar bahagian Samarahan iaitu sebanyak 16 peratus daripada jumlah bilangan populasi kajian sebagai responden kajian rintis. Ini adalah selaras dengan kenyataan oleh Nor Shela et al., (2022) bahawa responden kajian rintis tidak meliputi responden di kawasan kajian sebenar bagi mengelakkan berlakunya kutipan data secara berulang. Sehubungan itu, bilangan responden yang diambil pengkaji adalah boleh diterima berdasarkan cadangan Isaac dan Michael (1995) serta Hill (1998) yang mencadangkan penentuan bilangan sampel kajian rintis yang mencukupi adalah seramai 10 hingga 30 responden bagi kajian tinjauan.

Menurut Mohd Syaubari & Ahmad Yunus (2018), kajian rintis yang telah dijalankan dapat membentuk kebolehppercayaan dan kesahan yang tinggi bagi item soal selidik dan boleh diteruskan pada kajian yang sebenar. Jadual 1 menunjukkan konstruk dan item yang digunakan dalam kajian ini.

**JADUAL 1: JADUAL NILAI PEKALI KEBOLEHPERCAYAAN KAJIAN RINTIS MENGIKUT KONSTRUK**

Bil	Konstruk	Bilangan Item	Nilai Pekali Kebolehppercayaan
1	Tahap Profesionalisme GPI	20	0.973
2	Tahap Kemenjadian Sahsiyah Murid	15	0.971

Berdasarkan Jadual 1, hasil kajian rintis yang telah dijalankan mendapati nilai pekali kebolehppercayaan bagi konstruk tahap profesionalisme GPI adalah 0.973 dengan bilangan item sebanyak 20. Manakala nilai pekali kebolehppercayaan bagi konstruk tahap kemenjadian sahsiah murid pula adalah 0.971 dengan bilangan item sebanyak 15. Dapatan ini menunjukkan instrumen kajian yang dibina boleh diterima dan mempunyai ciri-ciri yang dikehendaki kerana kajian ini menetapkan nilai 0.7 sebagai nilai kebolehppercayaan minimum untuk menerima item soal selidik.

### Prosedur Penganalisan Data

Prosedur penganalisan data dalam kajian ini adalah menggunakan IBM SPSS versi 27.0 bagi menganalisis data dalam bentuk min, kekerapan, sisihan piawai dan peratusan. Sebagai langkah pertama, data yang diperoleh telah melalui ujian normaliti bagi melihat taburan data secara normal atau sebaliknya. Hal ini bertujuan agar statistik inferensi yang dipilih adalah tepat untuk mengenal pasti hubungan antara pemboleh ubah profesionalisme GPI dengan kemenjadian sahsiah murid. Seterusnya, kajian ini menggunakan dua jenis tatacara analisis data iaitu secara deskriptif dan inferensi. Menurut Lathifah Mufti Ngafwa (2018), analisis deskriptif merujuk kepada kaedah penyelidikan yang merangkumi cara pengumpulan data yang disusun, diolah dan dianalisis bagi

menggambarkan masalah yang dikaji. Analisis ini bertujuan mendeskripsikan data dalam bentuk min, minimum, maksimum dan sisihan piawai (Ghozali, 2009). Menurut Noraini Omar (2008), nilai min yang diperoleh boleh digunakan untuk menganalisa data bagi menguji hipotesis serta dapat mengelaskan kekerapan dan demografi responden. Dalam kajian ini, skor min bagi tahap profesionalisme guru dan tahap kemenjadian sahsiah murid dibahagikan kepada lima peringkat seperti dalam Jadual 2.

**JADUAL 2: PEMERINGKATAN SKOR MIN PROFESIONALISME GPI DENGAN KEMENJADIAN SAHSIAH MURID**

Nilai Min	Interpretasi
1.00 - 1.80	Sangat Rendah
1.81 - 2.60	Rendah
2.61 - 3.40	Sederhana
3.41 - 4.20	Tinggi
4.21 - 5.00	Sangat Tinggi

Sumber: Tschannen-Moran & Gareis (2004)

Prosedur penganalisan data diteruskan dengan analisis inferensi bagi memperjelas dapatan analisis deskriptif (Syahrudin & Salim, 2012). Analisis inferensi yang digunakan dalam kajian ini adalah ujian korelasi Spearman's Rho bagi melihat hubungan di antara profesionalisme guru dengan kemenjadian sahsiah murid serta menguji hipotesis yang telah ditetapkan. Menurut Mohammad Suwardi et al. (2017), nilai korelasi yang diperoleh adalah bagi mengenal pasti tahap kekuatan hubungan di antara pemboleh ubah yang dikaji. Oleh yang demikian, dalam kajian ini, tahap kekuatan hubungan pembolehubah dilihat melalui nilai pekali korelasi di antara -1.00 hingga +1.00 (Fauzi et al., 2014; Ghazali & Sufean, 2018) seperti yang ditafsirkan dalam Jadual 3.

**JADUAL 3: NILAI DAN HUBUNGAN KORELASI**

Nilai Korelasi (r)	Kekuatan/ Hubungan
1.00	Sempurna
0.70 hingga 0.99	Sangat Kuat
0.50 hingga 0.69	Kuat
0.30 hingga 0.49	Sederhana
0.10 hingga 0.29	Lemah
0.01 hingga 0.09	Sangat Lemah

Sumber: Ghazali & Sufean (2018)

## V. DAPATAN

### Tahap Profesionalisme GPI

Dapatan kajian mendapati pengetahuan responden terhadap perkembangan potensi murid, kebolehan responden dalam merancang PdPc serta kemahiran responden dalam melaksanakan PdPc dan pentaksiran pembelajaran adalah positif dimana min keseluruhan bagi setiap konstruk berada pada tahap yang tinggi (min=4.33, min=4.27, min=4.38 dan min=4.26). Ini menunjukkan tahap profesionalisme GPI dari aspek instruksional secara keseluruhannya adalah sangat tinggi dengan bacaan min=4.30, S. P=.409. Maklumat tentang konstruk pengetahuan ini ditandai dengan skala yang diberikan iaitu dari sangat tidak setuju (STS) sehingga sangat setuju (SS).

### Tahap Kemenjadian Sahsia Murid

Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap kemenjadian sahsiah murid dari aspek tazkiyyah al-nafs atau pembersihan jiwa, melazimi amalan kebaikan serta membuat sesuatu yang bertentangan dengan akhlak yang buruk berada pada tahap yang tinggi dengan bacaan min masing masing adalah min=3.95, min=4.07 dan min=4.06. Dapatan ini menunjukkan bahawa tahap kemenjadian sahsiah murid secara keseluruhannya berada pada tahap yang tinggi dengan min keseluruhan bagi pemboleh ubah ini adalah min=4.02. Maklumat tentang konstruk pengetahuan ini ditandai dengan skala yang diberikan iaitu dari sangat rendah (SR) sehingga sangat tinggi (ST).

### **Hubungan Antara Profesionalisme GPI Dengan Kemenjadian Sahsia Murid**

**JADUAL 4: KEPUTUSAN UJIAN KORELASI ANTARA PROFESIONALISME GPI DENGAN KEMENJADIAN SAHSIAH MURID BAHAGIAN SAMARAHAN**

Pemboleh ubah	Pekali Korelasi Spearman's Rho (r)	Tahap Signifikan (p)
Profesionalisme GPI	.512	<0.01
Kemenjadian Sahsia Murid		

Jadual 4 menunjukkan keputusan ujian korelasi bagi pemboleh ubah profesionalisme GPI dengan kemenjadian sahsiah murid di bahagian Samarahan. Jika nilai p adalah lebih kecil dari 0.01, maka terdapat hubungan yang signifikan. Manakala jika nilai p lebih besar dari 0.01, maka tidak terdapat hubungan yang signifikan antara dua pemboleh ubah tersebut. Keputusan korelasi ini akan menjawab hipotesis kajian tersebut.

**Ha= Terdapat hubungan yang signifikan antara tahap profesionalisme GPI dengan kemenjadian sahsiah murid.**

Jadual 4 menunjukkan keputusan ujian korelasi antara tahap profesionalisme GPI dengan kemenjadian sahsiah murid. Melalui jadual tersebut, didapati terdapat hubungan yang signifikan antara tahap profesionalisme GPI dengan kemenjadian sahsiah murid ( $r=.512$ ,  $p<0.01$ ). Oleh itu, hipotesis kajian (H1) yang menyatakan terdapat hubungan yang signifikan antara tahap profesionalisme GPI dengan kemenjadian sahsiah murid adalah diterima.

**Ho= Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap profesionalisme GPI dengan kemenjadian sahsiah murid.**

Jadual 4 menunjukkan keputusan ujian korelasi antara tahap profesionalisme GPI dengan kemenjadian sahsiah murid. Melalui jadual tersebut, didapati terdapat hubungan yang signifikan antara tahap profesionalisme GPI dengan kemenjadian sahsiah murid ( $r=.512$ ,  $p<0.01$ ). Oleh itu, hipotesis null (Ho) yang menyatakan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap profesionalisme GPI dengan kemenjadian sahsiah murid adalah ditolak.

## VI. PERBINCANGAN

Dapatan kajian mendapati pengetahuan responden terhadap perkembangan potensi murid, kebolehan responden dalam merancang PdPc serta kemahiran responden dalam melaksanakan PdPc dan pentaksiran pembelajaran adalah positif dimana min keseluruhan bagi setiap konstruk berada pada tahap yang tinggi. Ini menunjukkan tahap profesionalisme GPI dari aspek instruksional dalam SGM 2.0 (KPM, 2020) secara keseluruhannya adalah sangat tinggi dengan bacaan  $\text{min}=4.30$ ,  $S. P=.409$ . Hal ini sejajar dengan dapatan kajian oleh Mohd Aizat dan Kamarudin (2020) bahawa tahap profesionalisme guru berdasarkan elemen-elemen dalam SGM berada pada tahap yang tinggi dengan bacaan  $m=4.83$  dan  $s.p=0.91$ .

### **Tahap Pengetahuan GPI Terhadap Perkembangan Potensi Murid**

Dapatan menunjukkan bahawa GPI mempunyai pengetahuan yang tinggi terhadap perkembangan potensi murid dengan bacaan keseluruhan adalah  $\text{min}=4.33$  dan  $S.P=.475$ . Hal ini menunjukkan bahawa guru-guru Pendidikan Islam di bahagian Samarahan sangat mengambil cakna terhadap perkembangan murid-murid. Hasil kajian ini adalah selaras dengan dapatan oleh Rathaneswaary dan Ruhizan (2022) bahawa guru mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi terhadap keterbezaan murid, aras kognitif, perkembangan minat dan kemahiran murid.

### **Tahap Kebolehan Gpi Merancang PdPc**

Hasil kajian menunjukkan bahawa GPI mempunyai kebolehan yang tinggi dalam merancang PdPc dengan bacaan keseluruhan adalah  $\text{min}=4.27$  dan  $S.P=.442$ . Perkara ini menunjukkan bahawa GPI telah memainkan salah satu peranan sebagai seorang guru yang digariskan dalam Standard 4, Standard Kualiti Pendidikan Malaysia gelombang 2 (SKPMg2) iaitu guru sebagai perancang. Dapatan ini adalah sejajar dengan hasil kajian oleh Zulkifly et al. (2021) yang menunjukkan bahawa tahap perancangan pengajaran guru-guru sekolah rendah dalam pembelajaran dan pemudahcaraan berada pada tahap yang tinggi.

### **Tahap Kemahiran GPI Melaksanakan PdPc**

Dapatan menunjukkan bahawa GPI mempunyai kemahiran yang tinggi dalam melaksanakan PdPc dengan bacaan keseluruhan adalah  $\text{min}=4.38$  dan  $S.P=.474$ . Perkara ini menunjukkan bahawa guru-guru sudah mahir mengaplikasikan pelbagai kaedah dan teknik pengajaran yang bersesuaian dan berkesan mengikut keperluan murid-murid dalam bilik darjah. Hal ini bertepatan dengan dapatan kajian oleh Abdul Munir (2018) dan Razila Kasmin et al. (2019) bahawa strategi pelaksanaan subjek Pendidikan Islam berada pada tahap yang tinggi dengan menilai set induksi, isi kandungan, kepelbagaian kaedah yang bersesuaian, penilaian, bahan bantu mengajar dan kemahiran GPI.

### **Tahap Kemahiran GPI Melaksanakan Pentaksiran Pembelajaran**

Hasil kajian menunjukkan bahawa GPI mempunyai kemahiran yang sangat tinggi dalam melaksanakan pentaksiran pembelajaran dengan bacaan keseluruhan adalah

$\text{min}=4.26$ ,  $S. P=.490$ . Perkara ini menunjukkan bahawa GPI telah menguasai dengan baik komponen-komponen dalam proses pentaksiran pembelajaran. Dapatan kajian ini adalah selaras dengan dapatan kajian oleh Ahmad Asfahani dan Khadijah (2022) yang menyatakan bahawa amalan dan pengetahuan Guru Pendidikan Islam terhadap pentaksiran bilik darjah berada pada tahap yang tinggi dan bersedia.

### **Tahap Kemenjadian Sahsiah Murid**

Dapatan kajian menunjukkan bahawa taburan min dan peratusan tahap kemenjadian sahsiah murid di bahagian Samarahan secara keseluruhannya berada pada tahap yang tinggi dengan bacaan  $\text{min}=4.02$ ,  $S.P=.604$ . Perkara ini menunjukkan bahawa murid dapat menguasai dengan baik aspek tazkiyyah al-nafs atau pembersihan jiwa, melazimi amalan kebaikan dan membuat sesuatu yang bertentangan dengan akhlak buruk yang dinyatakan dalam model personaliti Imam al-Ghazali (1996). Dapatan ini adalah sejajar dengan dapatan kajian oleh Ilminza Zakaria et al. (2021), kemenjadian murid yang merangkumi aspek akademik, kokurikulum dan sahsiah berada pada tahap yang sangat tinggi dengan bacaan  $\text{min}=4.53$ ,  $s.p=.373$ .

### **Hubungan Antara Profesionalisme GPI Dengan Kemenjadian Sahsiah Murid**

Dapatan menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara profesionalisme GPI dengan kemenjadian sahsiah murid bahagian Samarahan. Hal ini menunjukkan bahawa tahap profesionalisme guru mempengaruhi serta memberi kesan kepada tahap kemenjadian sahsiah murid. Sepertimana yang dinyatakan oleh Ab Halim dan Ahmad Munawar (2021), amalan sahsiah dan moral murid dipengaruhi oleh gaya pengajaran dan sikap guru itu sendiri.

## VII. KESIMPULAN, CADANGAN DAN IMPLIKASI

Secara keseluruhannya, kajian ini memberi suatu gambaran yang jelas mengenai profesionalisme Guru Pendidikan Islam dengan kemenjadian sahsiah murid di bahagian Samarahan. Hal ini dapat dilihat menerusi dapatan kajian yang menunjukkan tahap profesionalisme GPI dan kemenjadian sahsiah murid di bahagian Samarahan berada pada tahap yang tinggi. Meskipun mengikut bacaan skor min skala lima likert mengikut lima tahap (Tschannen-Moran & Gareis, 2004) menunjukkan terdapat sedikit perbezaan dimana profesionalisme GPI berada pada tahap yang sangat tinggi manakala kemenjadian sahsiah murid berada pada tahap tinggi sahaja, namun kedua-dua pemboleh ubah ini telah menunjukkan hubungan yang positif dan signifikan berdasarkan dapatan kajian yang dianalisis menerusi ujian Korelasi Spearman's Rho. Hal ini menunjukkan bahawa tahap profesionalisme guru itu akan mempengaruhi dan memberi kesan kepada tahap kemenjadian sahsiah murid. Perkara ini turut disokong oleh Hasbullah et al. (2020) dan Ab Halim dan Ahmad Munawar (2021), bahawa guru merupakan faktor yang lebih utama berbanding ibu bapa dalam mempengaruhi amalan sahsiah murid-murid.

Antara cadangan yang boleh diutarakan adalah dari segi metodologi kajian. Dicadangkan supaya pengkaji seterusnya untuk melakukan kaedah *mixed method* dengan

menggabungkan kaedah kuantitatif dan kualitatif. Hal ini bertujuan agar dapatan kajian yang diperoleh bersifat lebih signifikan menerusi proses pengumpulan dan penganalisan data yang eksplisit dan holistik. Hal ini demikian kerana, dapatan kajian menerusi kaedah kuantitatif berupaya untuk menghuraikan tahap, hubungan dan perbezaan di antara pemboleh-pemboleh ubah yang dibincangkan. Seterusnya hasil dapatan tersebut boleh ditelusuri dan diperhalusi lagi kesahihan serta ketepatannya menerusi kaedah kualitatif dengan menggunakan proses temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen. Di samping itu, pemilihan sampel bagi kajian ini juga dicadangkan untuk dilakukan keatas dua kumpulan sampel yang berbeza ciri iaitu responden dalam kalangan Guru Pendidikan Islam dan responden dalam kalangan murid bagi mengukur pemboleh ubah-pemboleh ubah yang telah ditetapkan.

Sehubungan itu, dapatan kajian ini juga diharap memberi kesedaran kepada GPI bahawa tumpuan peranan guru sudah berubah daripada berfokus terhadap PdPc semata-mata kepada memberi penekanan terhadap tujuh teras utama KPM (Jabatan Penerangan Malaysia, 2022) yang salah satunya adalah penekanan aspek karamah insaniah melalui pembentukan adab, akhlak dan integriti. Oleh yang demikian, Guru Pendidikan Islam perlulah bersiap siaga dalam mendepani cabaran dan rintangan dengan sentiasa memperkaya ilmu pengetahuan, kemahiran dan kepakaran daripada pelbagai aspek selaras dengan perkembangan dunia pendidikan.

## RUJUKAN

- Ab Halim Tamuri & Ahmad Munawar Ismail. (2021). Hubungan Persekitaran Sekolah dan Guru dengan Amalan Akhlak Murid Sekolah Menengah Malaysia. *International Journal of Islamic Thought Vol. 19*, 1-13.
- Abdul Munir. (2018). Strategi Pengajaran Pendidikan Islam Di Sekolah Menengah Daerah Besut, Terengganu. *Jurnal Perspektif (2018) Jil. 10 Bil. 2*, 11-21.
- Ahmad Asfahani & Khadijah Abdul Razak. (2022). Kajian Rintis Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah (Pbd) Dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam (GPI). *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan ke-7 (PASAK 7 2022)*, (pp. 902-917).
- Ahmad Mahzan Ayob. (2002). *Kaedah Penyelidikan Edisi Kedua*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Ghazali. (1996). *Ihya Ulum Al-Din*. Beirut : Darul Kutub.
- al-Ghazali. (2003). *Ihya' Ulum ad-Din, Jilid 2 dan Jilid 4*. Kaherah: Maktabah as Safa, cetakan ke-1 [baru].
- Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Jamaludin Ramli, Yusof Boon dan Abdul Rahim Hamdan. (2007). *Menguasai Penyelidikan dalam Pendidikan: Teori, Analisis & Interpretasi Data*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing.
- Bahagian Profesionalisme Guru, Kementerian Pendidikan Malaysia. (2020). *STANDARD GURU MALAYSIA (SGM) 2.0*. Retrieved from Kementerian Pendidikan Malaysia: <https://www.moe.gov.my/en/pemberitahuan/announcement/sgm-2>
- Brassard & Boehm. (2007). *Preschool Assessment*. New York: The Guildford Press.
- Cohen, Manion & Morrison. (2001). *Research Methods in Education (5th ed.)*. Oxford: Routledge Falmer Publisher.
- Esah Sulaiman. (2004). *Pengenalan Pedagogi*. Johor: Penerbit UTM.
- Faizal Amin Nur Yunus, Ruhizan Mohd Yasin, Mohd. Bekri Rahim & Ridzwan Che Rus. (2014). Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Pemindahan Pembelajaran berdasarkan Pendekatan Model Rasch: Kajian Rintis. *First Technical and Vocational Education International Seminar 2014 (TVEIS 2014)*, (pp. 1-9).
- Fauzi, Jamal & Mohd Saifoul. (2014). *Kaedah penyelidikan dan analisis data SPSS*. Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Ghazali Darussalam & Sufean Hussin. (2018). *Metodologi Penyelidikan dalam Pendidikan (Amalan dan Analisis Kajian Edisi Kedua)*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Ghozali. (2009). *"Aplikasi Analisis Multivariate dengan Program SPSS"*. Semarang: UNDIP.
- Hasbullah Mat Daud, and Ahmad Yussuf, and Fakhrul Adabi Abdul Kadir. (2020). Pembentukan akhlak dan sahsiah pelajar melalui pembelajaran sosial menurut perspektif Islam. *Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan. 17 (9)*, 75 - 89.
- Hill. (1998). *What sample size is "enough" in internet survey research? Interpersonal Computing and Technology: An Electronic Journal for the 21st Century, 6(3-4)*. Retrieved from <http://www.emoderators.com/ipct-j/1998/n3-4/hill.html>
- Ilminza Zakaria, Jeffri Mat Yasim @ Mat Yaman, Mohamed Yusoff Mohd Nor & Bity Salwana Alias . (2021). Hubungan Dan Pengaruh Profesionalisme Guru Terhadap Kemenjadian Murid Di Sekolah Menengah Negeri Sembilan. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)*, Volume 4 (2), 112-128.
- Isaac & Michael. (1995). *Handbook in research and evaluation*. San Diego, CA: Educational and Industrial Testing Services.
- Jabatan Penerangan Malaysia . (2022, Desember 16). *KPM Tumpu 7 Teras Utama*. Retrieved from Laman Web Rasmi Jabatan Penerangan Malaysia Kementerian Komunikasi dan Digital: <https://www.penerangan.gov.my/japenv2/index.php/2022/12/16/kpm-tumpu-7-teras-utama/>
- Julian@Juliana George Jette & Mohd Izham Mohd Hamzah. (2020). Hubungan Kemenjadian Murid Dalam Proses Pembelajaran Dan Pemudahcaraan (PdPc) Guru: Penilaian Pentadbir Sekolah. *Jurnal Dunia Pendidikan, Vol. 2, No. 1*, 171-179.
- Kementerian Pendidikan Malaysia . (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya: Bahagian Pendidikan Guru.
- Kimberli Tazewell. (2018). Teacher experiences with formative assessments:A. narrative Analysis. *Thesis Ph.d, USA: Northern University Boston*.

- Krejchie & Morgen. (1970). Determining Sample Size for Research Activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30, 607-610.
- Lathifah Mufti Ngafwa. (2018). Mekanisme Corporate Governance Kinerja Keuangan Pada Perusahaan Manufaktur Sektor Industri Barang Dan Konsumsi Yang Terdaftar Di Bursa Efek Indonesia Tahun 2014 s.d 2016. *Skripsi thesis, Universitas Muhammadiyah Surakarta*.
- Mohamad Nasir & Rosmawati. (2019). Pendekatan Strees Dakwah kepada Bukan Islam dalam Klangan Pendakwah NGO Muslim di Pulau Pinang. *Jurnal Al-Hikmah 11(1)*, 60-73.
- Mohammad Suwardi bin Mohd. Yusof, Noor Azman bin Abdullah, Lingaswaran a/l Arjunan & Marina bt Mustapa Al Bakri. (2017). Pengaruh pengalaman keusahawanan terhadap kecenderungan keusahawanan dalam kalangan pelajar jurusan perakaunan kolej matrikulasi perak. *Jurnal Penyelidikan Dedikasi Jilid 13*, 1-23.
- Mohd Aizat Abu Hassan & Kamarudin Musa. (2020). Tahap profesionalisme guru sekolah kebangsaan di Semenanjung Malaysia. *Management Research Journal*, Vol. 9 No.2 , 37-45.
- Mohd Fathi Bin Adnan, Rohana Bt. Hamzah, Amirmudin Bin Udin. (2010). Implikasi Falsafah Pendidikan Kebangsaan dalam Pendidikan Teknik dan Vokasional di Malaysia. *Universiti Teknologi Malaysia Institutional Repository*, 1-16.
- Mohd Noh Bin Abd Manap, Abd Manap, Abu Bakar & Mohd Sheikh. (2020). Pengaruh tahap kompetensi dan kekangan pelaksanaan penaksiran bilik darjah dalam kalangan guru sekolah rendah agama integrasi negeri selangor. *Conference: International Academic Conference in Education, Language and Psychology (IACELP 2020)*, (pp. 131-143). Langkawi, Malaysia.
- Mohd Rizal Bin Mohd Said & Nurul Zafira Binti Ruslan. (2010). Persepsi Pelajar Sekolah Rendah Terhadap Pemakanan Seimbang Di Kantin Sekolah Kebangsaan Kangkar Pulai, Johor. 1-6.
- Mohd Syaubari Othman & Ahmad Yunus Kassim . (2018). Kajian rintis bagi pelaksanaan komposisi pengajaran guru pendidikan islam yang mengintegrasikan kemahiran berfikir aras tinggi (kbat) menerusi pendidikan akidah sekolah rendah di Malaysia. *Attarbawiy: Malaysian Online Journal Education*, 2 (2), 55-60.
- Nor Shela Saleh, Khairunesa Isa, Muhaymin Hakim Abdullah, Sarala @ Thulasi Palpanadan & Hazila Kadir @ Sahar . (2022). Pembangunan dan Kebolehpercayaan Item Kesejahteraan Sekolah Rendah dalam Kalangan Murid, Guru dan Ibu Bapa. *Jurnal Psikologi Malaysia 36 (1)*, 13-28.
- Noraini Omar. (2008). Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pencapaian Pelajar Dalam Mata Pelajaran Pendidikan Islam Tingkatan Lima. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan* , 54-74.
- Norshafinaz Abdul Sani & Faridah Yunus. (2018). Amalan Perancangan, Pelaksanaan dan Pentaksiran dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Pr numerasi di Tadika Swasta . *Jurnal Pendidikan Malaysia 43(2)*, 101-110.
- Nur Fadilah Amin, Sabaruddin Garancang & Kamaluddin Abunawas. (2023). Konsep umum populasi dan sampel dalam penelitian. *Jurnal pilar: Jurnal Kajian Islam Kontemporer 14 (1)*, 15-31.
- Nurul Izzah Noor Zainan, Nurul Hidayah Awang @ Ab Rahman, Mohd Khairul Anuar Ismail, Nor Asmira Mat Jusoh, Zanirah Mustafa @ Busu, Zurkarnain Yusoff & Salma Ab Rahman. (2021). Impak media sosial terhadap keruntuhan akhlak dalam kalangan pelajar: satu tinjauan awal. *Proceedings of International Conference on Language, Education, Humanities & Social Sciences (i-LEdHS2021)*, (pp. 98-103).
- Pejabat Pendidikan Daerah Samarahan. (2023). *Data Guru Opsyen Pendidikan Islam Sekolah Rendah & Sekolah Menengah Daerah Samarahan*.
- Rathaneswaary Derbala & Ruhizan M. Yasin. (2022). Tahap Pengetahuan, Penerimaan, Kesediaan dan Amalan Pengajaran Guru Pemulihan Khas Terhadap Pengajaran Terbeza. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH) Vol 7 (4)*, 1-20.
- Razila Kasmin, Mohd Faiz Baharan, Noraizan Mohsin, Norliza Kila & Mashita Abu Hassan. (2019). Amalan Kualiti Guru Dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam di Sekolah Kebangsaan. *JoMOR 2019, VOL 1, NO 4*, 1-23.
- Saharia Ismail, Mohd Yusof Abdullah, Hamza Nuruddin Ismail. (2022). Persepsi guru terhadap hubungan kepimpinan islam dan strategi biah solehah dengan kemenjadian sahsiah murid sabk di sekolah agama bantuan kerajaan. *Jurnal Kesidang 7(1)*, 178-193.
- Swan . (2007). The impact of task-based professional development on teachers' practices and beliefs: A design research study. *Journal of Mathematics Teacher Education 10(4-6)*, 217-237.
- Syahrum & Salim. (2012). *Metodologi Penelitian Kuantitatif*. Bandung : Cipta Pustaka.
- Tschannen-Moran & Gareis. (2004). Principle's Sense of Efficacy Assessing a Promising Construct . *Journal of Educational Administration. 42 (5)*, 573-585.
- Van Dalen. (1993). *Memahami Penyelidikan Pendidikan : Satu Pengenalan. (ed. ke-4), terjemahan Abdul Fatah Abd. Malik dan Mohd Majid Konting*. Serdang: Penerbit Universiti Pertanian Malaysia.
- Wan Abdul Fattah Wan Ismail, Ahmad Syukran Baharuddin, Zulfaqar Mamat & Lukman Bin Abdul Mutalib. (2022). Analisis Awal Terhadap Faktor-Faktor Peningkatan Kes-Kes Perkahwinan Merentasi Sempadan dalam Kalangan Masyarakat Muslim di Malaysia. *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies, Vol.30, No1. April Issue*, 1-15.
- Wan Abdul Fattah Wan Ismail, Syh NoorulMadiah Syed Husin, Ahmad Syukran Baharuddin, Lukman Abdul Mutalib, Zulfaqar Mamat & Mohamad Aniq Aiman Alias . (2022). Konsep perkahwinan menurut perspektif fiqh dan undangundang islam di malaysia. *The 8th International Prophetic Conference (SWAN 2022)*, (pp. 14-28).



- Zarrina Sa'ari. (22 Disember 2007). "Peranan Penyucian Jiwa (Tazkiyah Al-Anfus) Terhadap Pembangunan Insan dalam Masyarakat Bertamadun. *Kertas kerja dibentang dalam Seminar Tasawuf Negeri Sembilan Tahun 2007: Tarbiyah Ruhhiyyah sebagai Asas Kesatuan Ummah oleh Jabatan Mufti Negeri Sembilan Darul Khusus, Malaysia.*
- Zulkifly, Rahimah & Huda Afiqah. (2021). Perancangan Pengajaran Guru dalam Pembelajaran dan Pemudahcaraan: Satu Kajian Rintis. *Asian Journal of Civilizational Studies(AJOCS)*, 3(1), 12-16.